

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI
OMAR [POKOK SENAJ]**

TARIKH : **23 NOVEMBER 2017 | KHAMIS**

SOALAN :

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah kedudukan kes FPSO Layang yang dimiliki 100% oleh Tabung Haji. Adakah FPSO disita; dan
- b) adakah TH Heavy Engineering Berhad yang disenaraikan sebagai syarikat Bursa PN17 yang bermaksud syarikat tenat.

JAWAPAN : (YBMEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 12 Oktober 2017, **TH** memegang kepentingan saham biasa di dalam TH Heavy Engineering Berhad (THHE) sebanyak 29.8%, yang menjadikan THHE

sebagai syarikat bersekutu (*associate company*) **TH**. Mengenai kapal FPSO Layang, dimaklumkan **TH** tidak memegang sebarang kepentingan di dalam kapal tersebut. Ianya dimiliki oleh anak syarikat THHE.

Kerja-kerja pengubahsuaian kapal FPSO Layang oleh THHE untuk Projek Pembangunan Layang dibuat di Drydocks World, Dubai terpaksa diberhentikan pada pertengahan tahun 2016 berikutan masalah kewangan yang dihadapi oleh THHE. Kapal FPSO berkenaan kini masih berada di Dubai dan urusan penyelesaian obligasi kontrak dibuat melalui Pelan Regularisasi yang sedang dirangka oleh THHE.

b) Berkaitan status Amalan Nota 17 (PN 17), dimaklumkan pada 28 April 2017, THHE telah tersenarai di bawah status PN17 Bursa Malaysia Securities Berhad, berikutan laporan audit mengenai status syarikat berkenaan.

Sehubungan itu, THHE telah merangka Pelan Regularisasi dan kini dalam proses memuktamadkannya. Pelan Regularisasi merupakan satu pelan yang membolehkan THHE mengurus dan menyelesaikan tanggungan tertunggak kepada para pemiutangnya. Di samping itu, pelan ini juga membolehkan THHE mengekalkan aset utamanya, iaitu limbungan Pulau Indah yang digunakan untuk meneruskan operasi dan perniagaan syarikat bagi potensi kontrak kerja-kerja pembinaan dan pembaikan kapal. Pelan Regularisasi ini, apabila dimuktamadkan dan mendapat kelulusan pihak-pihak berkenaan, akan membolehkan THHE terus beroperasi dan dikeluarkan dari senarai PN17.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (29)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

SOALAN :

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan definisi apakah dimaksudkan TN50.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memulakan satu inisiatif untuk memastikan hala tuju Malaysia dalam tempoh 30 tahun ke tahun 2050 dinamakan sebagai Transformasi Nasional 2050 atau TN50. Ianya merupakan kesinambungan kepada dasar pembangunan jangka panjang Negara bermula daripada Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990), Wawasan 2020 (1991 – 2020) dan seterusnya Transformasi Nasional 2050 (2021 – 2050) dengan sasaran untuk membawa Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi di mata dunia.

Keunikan TN50 kerana ianya disediakan daripada rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Ini kerana agenda TN50 adalah suatu gagasan yang bersifat inklusif serta dilaksanakan berteraskan pendekatan secara *bottom up* dalam memastikan suara rakyat didengari serta menyemai perasaan bahawa TN50 adalah milik bersama (*collective ownership*) di kalangan rakyat. Kementerian Belia dan Sukan telah diberikan mandat untuk memulakan proses wacana nasional ini bersama golongan belia pada awal tahun 2017 kerana golongan belia pada hari ini akan menjadi

pemimpin pada tahun 2050. Manakala sesi bersama kumpulan selain belia dimulakan pada pertengahan tahun 2017. Input daripada sesi *engagement* bersama golongan belia telahpun dikumpulkan dan dibahagikan kepada lima tema utama iaitu Ekonomi dan Pekerjaan, Kehidupan dan Kesejahteraan, Tadbir Urus, Masyarakat dan Gaya Hidup. Kumpulan Masa Hadapan dengan kumpulan pakar dalam pelbagai bidang kepakaran telah diwujudkan untuk lebih mendalami setiap tema tersebut. Input daripada Kumpulan Masa Hadapan ini kelak akan digunakan untuk penggubalan dokumen dasar TN50 oleh Unit Perancang Ekonomi yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang.

Kaedah bottom-up ini digunakan untuk memastikan dokumen dasar TN50 mampu menggabungkan aspirasi/input daripada semua segmen masyarakat. Ini bagi memastikan ianya inklusif dan setiap rakyat merasakan bahawa penghasilan dokumen TN50 merupakan tanggungjawab dan hasil usahasama semua.

Sepanjang tempoh Januari hingga kini, pelbagai aktiviti berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan

yang lain. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah sesi dialog, perbincangan meja bulat, sesi *townhall*, soal selidik serta pertandingan yang melibatkan *stakeholders* dan kumpulan sasaran masing-masing. Antaranya seperti sesi YAB Perdana Menteri bersama penjawat awam, ahli ekonomi, saintis dan Badan Bukan Kerajaan. Manakala, Kementerian Dalam Negeri mengadakan sesi bersama pihak berkepentingan dalam kluster keselamatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menganjurkan sesi dialog bersama wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menganjurkan seminar Industry 4.0 dan sebagainya. Selain itu, para menteri dan tokoh korporat juga dilantik sebagai ketua segmen mewakili pelbagai sektor seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies – GLCs), Syarikat Tersenarai Awam (Public Listed Companies), Kewangan, Pertahanan, dan lain-lain. Usaha ini dilakukan bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dalam menyuarakan aspirasi dan input/ aspirasi daripada semua segmen diambil kira oleh Kerajaan. Dialog-dialog yang diadakan telah memfokuskan kepada trend-trend mega yang memberi impak kepada dunia pada tahun 2050 contohnya Urbanisasi, Populasi Berusia, Digitalisasi, Perubahan Cuasa, Kekurangan sumber, dan sebagainya

juga bagaimana ia akan memberi kesan kepada Malaysia dan *trade-off* yang perlu dilakukan untuk menangani trend-trend berkenaan.

Adalah diyakini bahawa lebih banyak aspirasi akan diperolehi melalui pelbagai aktiviti TN50 lain yang telah dirancang dan akan dilaksanakan. Semua aspirasi yang diterima daripada rakyat akan diambilkira dalam menghasilkan visi Transformasi Nasional 2050 dan Kerajaan komited untuk memenuhi aspirasi rakyat. Namun, kejayaan TN50 memerlukan sokongan padu dan usaha sama semua.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017